

## BAB IV

### Rumusan dan Cadangan

#### 4.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian rumusan dan bahagian cadangan. Bahagian rumusan akan menyorot aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lalu. Sorotan ini bertujuan untuk menghasilkan satu rumusan yang menyeluruh yang melahirkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan kajian ini.

Bahagian cadangan pula, akan cuba mengetengahkan beberapa cadangan yang berasaskan kepada kepentingan mempelajari ilmu analisis wacana tafsiran al-Qurān dan kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi meningkatkan tahaf tafsiran al-Qurān sebagai sebuah wacana bahasa Arab dan memahami cirri-ciri yang perlu ada pada seseorang pentafsir mengikut pandangan luas analisis wacana yang merangkumi semua bidang yang bersangkutan dengan bahasa.

#### 4.1 Rumusan

Setelah diperhatikan kepada perbincangan dan analisis yang telah dilakukan dalam kajian ini, penulis dapat mengemukakan rumusan-rumusan penting yang boleh dijadikan intipati keseluruhan kajian ini. Antaranya ialah:

Analisis wacana tafsiran al-Qurān adalah satu ilmu yang sangat penting yang wajar dipelajari dan dikaji oleh setiap individu, kerana dengannya kita dapat memahami al-Qurān dengan cara yang tepat dan betul.

Para Sahabat r.a. telah mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang tafsiran al-Qurān seperti khalfah-khalifah yang empat, ulama-

ulama Sahabat r.a. yang di antaranya ialah Ibn 'Abbās r.a. Perkembangan tafsiran al-Qurān telah melahirkan tokoh-tokoh mufassirin yang masyhur dan kitab-kitab tafsir yang banyak.

Tafsiran al-Qurān adalah unsur yang melahirkan gudang-gudang ilmu dalam berbagai bidang. Oleh itu kaedah-kaedah tafsiran al-Qurān adalah penting untuk seseorang mufassir menyelami al-Qurān secara menyeluruh dan memiliki panduan yang lengkap supaya tidak akan menyeleweng.

Talaqqi atau berguru iaitu menerima ilmu mengikut pemahaman yang betul daripada guru-guru yang thiqah (boleh dipercayai) adalah satu keistimewaan umat Muhammadiyah bebeza dengan umat-umat yang lain tidak memiliki kemuliaan tersebut. Talaqqi melahirkan sanad (rangkaian riwayat) yang mengikat seseorang kepada Rasulullahs.a.w. Ia juga dapat mengikat seseorang mufassir dengan ahl al-Sunnah wa al-Jamāah.

Kaedah-kaedah bahasa Arab diterima pakai oleh keseluruhan ulama Islam untuk mencari kefahaman, hukum, ilmu-ilmu sains, geografi dan semua bidang ilmu. Al-Qurān adalah dalam bahasa Arab dan ia sangat sistematik. Setiap huruf, perkataan dan ayat terikat dengan kaedah-kaedah yang boleh mengubah makna dalam berbagai situasi.

Kaedah-kaedah lain adalah merupakan kaedah yang mempunyai hubungan dengan wacana tafsiran. Dalam ilmu linguistik moden pengertian wacana merangkumi semua aktiviti manusia dalam berbahasa sama ada secara burble atau non burble, tulisan, percakapan dan isyarat.


Surah al-Fātihah adalah semulia-mulia surah dalam al-Qurān dan wajib dibaca oleh seseorang muslim yang sudah berakal dan baligh sekurang-

kurangnya tujuh belas kali sehari. Surah yang sangat penting dalam kehidupan muslim ini wajar diketengahkan untuk direalisasikan dalam kehidupan mereka.

Beberapa buah tafsiran yang dipilih telah mewakili semua golongan dan kumpulan sebagai perbandingan dan perkaedahan. Kaedah-kaedah yang dipakai terserah sama ada secara disedari atau tidak disedari oleh pentafsir tetapi itulah disiplin yang lumrah dikalangan mereka yang bergelar ulama dalam istilah Islam dan bukannya segi bahasa atau istilah-istilah lain. Mereka yang sesat dapat dilihat dengan jelas mengikut kaedah-kaedah tersebut dan ulama-ulama mutaakhirin telah menyenaraikan kitab-kitab yang muktabar dan yang tidak muktabar dan yang mana boleh diambil sebagai rujukan dari segi tertentu. Disiplin ilmu ini tidak boleh dianarkiskan (ceroboh tanpa sebarang ikatan disiplin) dengan kedegilan dan matlamat-matlamat lain, jika tidak maka iaanya akan menjadi pusaka kepada generasi akan datang dan sebagai bahan kutukan dan laknat yang berpanjangan. Untuk menjadi satu perbandingan yang lebih jelas, penulis cuba merumuskan perbezaan-perbezaan dan persamaan yang terdapat antara bentuk-bentuk tafsiran yang telah dianalisiskan di atas seperti yang berikut:


## Rajah 1

### Kedudukan Tafsir bi al-Ma'thūr.



Rajah di atas menunjukkan kepada kita kedudukan tafsir al-Ma'thūr secara menyeluruh. Setiap ayat al-Fātiḥah ditafsirkan dengan ayat-ayat al-Qurān, hadis dan rujukan-rujukan bahasa oleh pakar-pakar bahasa, dan sajak-sajak Arab. Selepas rujukan dibuat barulah didatangkan hukum, pengajaran dan makna serta maksud dikeluarkan. Walaupun begitu tidaklah dinafikan terdapat sedikit tafsiran dikenali sebagai tafsir bi al-Ra'y digunakan dalam memilih tajuk atau memakai sesuatu kaedah untuk mengeluarkan sesuatu tafsiran daripada ayat tersebut. Tetapi yang lebih ghalib ialah tafsir bi al-Ma'thūr. Antara tafsir-tafsir tersebut ialah tafsir Ibn Kathir adalah lebih utama dari segi tafsir bi al-Ma'thūr.

Rajah 2

Kedudukan Tafsir bi al-Ra'y

Perbezaan ketara antara tafsir bi al-Ma'thūr dengan tafsir bi al-Ra'y seperti yang terdapat dalam rajah ini. Jika dalam tafsir bi al-Ma'thur ayat ditafsirkan dengan ayat al-Qurān yang lain atau hadis Nabi atau bahasa, maka tafsir bi al-Ra'y ayat yang hendak ditafsirkan itu digunakan kaedah terlebih dahulu untuk menghasilkan tajuk dan di bawah tajuk itulah akan diperhujahkan dengan ayat-ayat al-Qurān, hadis atau bahasa yang dirujuk kepada pakar-pakar bahasa atau sajak-sajak Arab. Dalam hal ini yang lebih jelas hendaklah dirujuk kepada tafsir al-Rāziyy, kerana tafsir al-Nasafiyy terlalu ringkas dan dikira sebagai matan sahaja.

### Rajah 3

#### Kedudukan Tafsir al-Firāq.




Tafsiran bentuk ini tidak menentu, yang paling penting sekali ialah kaedah pertama iaitu kaedah "Talaqqi". Pentafsir bentuk ini awal-awal lagi nampak jelas pegangan dan penerimaan yang salah dalam menimba ilmu. Tafsiran yang mereka buat adalah semata-mata bermatlamatkan untuk menegakkan mazhab akidah yang rosak yang mereka anuti, sehingga mereka sanggup mengabui mata pembaca dengan hujah al-Qurān dan hadis tanpa mengikut kaedah yang tepat. Dalam rajah ini walaupun kedapatan kaedah tafsiran tetapi kaedah itu

adalah kaedah tidak bertepatan atau mereka mengenepikan kaedah yang sebenar dan lebih mengutamakan sebab nuzul atau turunnya ayat walaupun mereka menyalahi ijmak ulama-ulama syariat dan bahasa.

**Rajah 3**

### **Kedudukan Tafsir al-'Asriyy**



**Fikrah Pengajaran Tasawwur**

**Tasawwur**

Tafsiran bentuk ini adalah mengikut kaedah yang digariskan oleh ulama-ulama tertentu atau realiti yang sedang berlaku dan keperluan-keperluan pengisian. Umpamanya dalam tafsir *Zilal* tajuk utama yang

ingin diperkatakan oleh Syed Qutb ialah *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah*.

Dengan mengikut kaedah pentafsiran mereka menjadikan ayat-ayat al-Qurān dan hadis sebagai sandaran dan rujukan. Jarang sekali bahkan hampir tiada langsung masalah hukum diperkatakan di sini. Perkara-perkara yang remeh-temeh dan yang tidak diperlukan dalam pembentukan ummah tidak langsung dibincangkan, berbeza dengan tafsir-tafsir diatas. Tafsir al-Ra'y membahagikan sesuatu tajuk kepada tajuk yang begitu banyak seperti yang tertera dalam tafsir al-Rāziyy, dan lebih kepada maklumat dan khilafiyat mazhab-mazhab, tanpa penumpuan kepada pembinaan keperibadian manusia. Nampaknya tafsir ini lebih kepada pendidikan manusia, membina akidah, membina peribadi, membina tasawwur dan mengenal musuh-musuh sebenar.

Perbandingan yang telah terserah pada analisis yang lalu merupakan gambaran yang jelas secara paraktis untuk menghasilkan sebuah tafsiran al-Qurān yang bermutu dan baik. Para penyelidik bolehlah menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk membuat sebarang tafsiran ayat-ayat al-Qurān dan kaum muslimin juga mendapat panduan untuk menilai sesebuah tafsiran khususnya di zaman yang memerlukan hujah yang konkrit.

## **4.2 Cadangan**

Setelah kita mengikuti secara menyeluruh Analisis Wacana Tafsiran al-Qurān dan kaedah-kaedah yang dilakukan pada tafsiran-tafsiran surah al-Fātiyah oleh beberapa buah kitab tafsir yang mewakili berbagai zaman dan aliran mazhab jelaslah kepada kita beberapa perkara penting yang berikut:

1. Talaqqi merupakan perkara penting dalam pengambilan ilmu.Oleh itu adalah dicadangkan kepada sesiapa yang ingin membuat tafsiran al-Qurān supaya bertalaqqi dengan guru yang mursyid ( Orang yang mencapai kemantapan ilmu, suci hatinya dan mempunyai pndangan yang bijaksana) di samping luas pembacaannya.(Said Hawwa' 1985 vol 1 ms 13). Kejahilan terhadap bahasa Arab juga merupakan penghalang besar untuk memahami al-Qurān. Umat Islam mestilah menjadikan bahasa Arab sebagai kewajipan mempelajarinya. Semua pihak seharusnya memainkan peranan dalam menangani buta bahasa al-Quran.
2. Kejituhan ilmu yang diperolehi oleh seseorang adalah penting untuk menjamin status tafsiran yang dibuat. Bagi pihak yang berwajib seharusnya mengorak langkah kearah mempraktiskan sistem pendidikan Islam yang menyusun ilmu mengikut Fardu Ain, fardu Kifayah dan fardu Āṣriyah(semasa).
3. Al-Qurān adalah sebagai teras semua ilmu pengetahuan dalam semua sukatan rendah dan tinggi. Kurikulum bersepodu dan gabung jalin seharusnya menjadikan al-Qurān perkara asasi dan rujukan untuk semua ilmu supaya menjadi ilmu tetapi ilmu untuk Islam dan tidak boleh dianggap sepagai gangguan terhadap agama lain kerana ini adalah arahan daripada Allah dan Islam tidak pernah mengajak mana-mana manusia untuk berbuat jahat dan tidak membenarkan paksaan terhadap beragama tetapi menyuruh kita supaya membaca al-Qurān kepada mereka, juga kerana keyakinan kita tentang kebenarannya.

4. Tafsir-tafsir yang menyalahi kaedah di atas hendaklah diawasi. Perpustakaan yang wujud di Malaysia seharusnya menyediakan ruang khusus untuk kitab-kitab tafsir yang menyalahi kaedah tersebut dan hanya membenarkan orang yang berkelayakkan sahaja untuk membuat rujukan. Kuliah-kuliah tafsir yang wujud di masjid-masjid dan surau-surau hendaklah dinilai mengikut kaedah ini dan bukannya prasangka-prasangka dan motif-motif yang menyeleweng.
5. Musabaqah atau ujian tilawah semata-mata tidaklah dapat membawa umat Islam kemana-mana. Sudah sampai masanya diadakan musabaqah pentafsiran al-Qurān bagi semua peringkat. Saidina Umar bin al-Khattab pada masa biasanya memanggil para Sahabat untuk mentafsir surah al-Nasr dan akhirnya diatasi mereka semua oleh Ibn Abbas yang masih remaja.
6. Al-Qurān adalah kitab bermukjizat. Mukjizat maknanya mempunyai perkara luar biasa yang mengatasi segala-galanya. Kalau sebuah buku mengandungi ilmu yang istimewa yang boleh membuat sesorang itu menjadi kaya, hebat, berkuasa maka sudah tentu manusia berusaha memahaminya. Sedangkan al-Qurān terbukti mukjizatnya mampu membentuk kekuatan umat, tamadun, keadilan, kasih sayang dibiarkan begitu shaja.
7. Perdebatan antara partai-partai politik, ajaran-ajaran sesat, dan gerakan-gerakan yang memusuhi Islam sepatutnya telah dapat ditangani secara bijak dengan berpandukan kaedah-kaedah analisis wacana tafsiran al-Qurān ini.

8. Pendakwah-pendakwah kerajaan, pendakwah bebas, guru-guru dan penulis-penulis hendaklah diberi pendedahan dengan kaedah-kaedah tafsiran al-Qurān ini sebagai menyelamatkan umat Islam daripada perdebatan yang tidak berkesudahan kepada kembali kepada al-Qurān.

#### **4.3 Penutup**

Masih terdapat ramai golongan masyarakat yang tidak mengetahui tentang hakikat keperluan untuk membuat sebarang tafsiran mengenai ayat-ayat al-Qurān. Penampilan kajian ini antara lain bertujuan untuk memperkenalkan dan memperkembangkan pengetahuan mereka mengenai tafsiran al-Qurān dan memaparkannya dalam gambaran yang jelas dan mudah difahami. Pengolahan dan pemahaman yang menyeluruh tentang kaedah pentafsiran al-Qurān dalam surah al-Fatiḥah merupakan faktor penting bagi membantu seseorang mendalami kefahaman terhadap al-Qurān.